

SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2024

MALAYSIA MADANI
Jiwa Merdeka

HALA TUJU • SABAH MAJU JAYA

MALAYSIA MADANI
Jiwa Merdeka

SAMBUTAN
Hari Malaysia
2024

16 SEPTEMBER 2024 (ISNIN)
PADANG MERDEKA, KOTA KINABALU, SABAH
8.30 MALAM



TUAN YANG TERUTAMA
TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN
YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH

S.M.N., S.P.D.K., S.U.M.W., D.U.P.N., P.G.D.K., P.J.N., A.S.D.K., J.P., Hon. Ph.D (UoW) UK



YANG AMAT BERBAHAGIA
TOH PUAN DATUK SERI PANGLIMA
(DR) HAJAH NORLIDAH BINTI TAN SRI DATUK R. M. JASNI

S.P.D.K., A.D.K., Hon. Ph.D (NBUC)

PERUTUSAN

YANG AMAT BERHORMAT
PERDANA MENTERI



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Malaysia MADANI.

61 tahun yang kita lalui bersama sejak penubuhan Persekutuan Malaysia telah mengajar kita dengan pelbagai pengajaran dan pengalaman untuk membina Malaysia yang kita cintai pada hari ini.

Dalam tempoh 61 tahun ini, kita telah berhadapan dengan pelbagai cabaran, daripada krisis ekonomi yang melanda dunia sehinggalah cubaan menggugat kedaulatan negara ini daripada rakyatnya.

Maka, bagi memastikan negara Malaysia yang telah dibina dengan seluruh kekuatan rakyatnya yang berbilang bangsa terus menikmati keamanan dan kestabilan, kita perlulah mengisi dada setiap rakyat dengan ilmu-ilmu pengetahuan, kearifan budaya tempatan dan sejarah negara yang membangkitkan perpaduan semangat kebangsaan yang jitu.

Generasi baharu negara ini yang akan menjadi penggerak kepada sebuah gagasan Malaysia buat ratusan tahun yang mendatang perlu faham bahawa Malaysia yang kita kenal pada hari ini adalah hasil penat jerih rakyatnya dan sekalian pelosok masyarakat negara ini.

Keamanan dan kesatuan yang telah kita nikmati selama 61 tahun lamanya ini haruslah dilindungi daripada amalan-amalan yang memecahbelahkan dan tangkas menentang purbasangka jahat yang ingin menghakis nilai identiti Malaysia.

Marilah kita manfaatkan sambutan pada kali ini dengan memaknai perpaduan, menghargai kesejahteraan dan meraikan kepelbagaian budaya, agama serta etnik yang telah membentuk keunikan Malaysia.

Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka
Selamat Menyambut Hari Malaysia

YAB DATUK SERI PANGLIMA ANWAR BIN IBRAHIM

PERUTUSAN

YANG AMAT BERHORMAT KETUA MENTERI SABAH



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
Salam Malaysia MADANI

Pada tahun ini, kita berasa berbangga kerana Sabah menjadi tuan rumah bagi sambutan Hari Malaysia 2024 Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Padang Merdeka, Kota Kinabalu. Sesungguhnya, sambutan ini lebih bermakna kepada kita seluruh rakyat Malaysia bersama-sama mengingati dan merayakan detik bersejarah tanah air kita yang berlaku 61 tahun yang lalu. Pada ketika itulah termeterainya perjanjian yang menyatukan dua wilayah Sabah, Sarawak dan Tanah Melayu untuk membentuk sebuah negara bangsa yang berdaulat dan merdeka di bawah satu bendera, satu negara.

Pembentukan Malaysia telah membawa banyak nikmat dan manfaat kepada pelbagai lapisan rakyat di seluruh negara dan negeri ini. Kita amat menghargai keprihatinan Kerajaan Perpaduan kepada rakyat di Sabah. Perjalanan membina negara ini masih panjang dan berliku. Dan pastinya kita akan berhadapan dengan pelbagai cabaran. Namun, segala cabaran itu pasti berjaya diharungi dengan adanya kesatuan, kebersamaan dan perpaduan atas kepentingan tanah air.

Pada hari yang amat bermakna ini, saya ingin mengajak seluruh rakyat Malaysia untuk menghayati tema sambutan Hari Malaysia pada tahun ini iaitu Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka. Tema ini adalah satu cerminan yang amat penting bagi kemakmuran dan kemajuan negara kita. Malaysia MADANI yang disokong oleh enam nilai teras utama mencerminkan visi kita untuk membentuk masyarakat yang berdaya tahan, harmoni dan progresif. Jiwa Merdeka pula menggambarkan kebebasan rakyat Malaysia daripada elemen negatif, menekankan semangat patriotisme dan cinta kepada negara. Ia juga melibatkan aspek pemikiran, integrasi sosial dan ekonomi dalam usaha kita untuk membina sebuah kesatuan rakyat yang kukuh dan harmoni.

Nilai-nilai Malaysia MADANI ini seiring dengan aspirasi dasar Sabah Maju Jaya, yang menjadi panduan kita dalam memacu pembangunan negeri. Melalui dasar ini, kita berusaha memperkukuhkan ekonomi, mempertingkatkan kesejahteraan rakyat dan memperkasa pembangunan yang lestari. Gabungan nilai-nilai Malaysia MADANI dan Sabah Maju Jaya ini adalah manifestasi kesungguhan kita untuk melihat Sabah dan Malaysia terus maju dalam suasana yang aman dan makmur.

Bagi kita di Sabah, semangat perpaduan dan saling menghormati antara kaum akan terus dipertahankan dalam usaha bergerak maju ke hadapan. Ini kerana kesatuan dan perpaduan antara rakyat adalah kunci kepada kejayaan Malaysia amnya dan Sabah khususnya. Marilah kita bersama-sama memperkukuhkan semangat perpaduan dan terus bekerja keras demi memastikan Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang makmur, berdaulat dan dihormati di peringkat antarabangsa.

Semoga sambutan Hari Malaysia pada tahun ini memberi inspirasi dan kekuatan baharu kepada kita semua dalam meneruskan perjuangan untuk memastikan masa depan negara yang lebih cemerlang.

Selamat Menyambut Hari Malaysia

YAB DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI BIN HAJI NOOR

PERUTUSAN

YANG AMAT BERHORMAT PREMIER SARAWAK

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
Salam Sejahtera, Salam Segulai Sejalai,
Salam Sarawak Maju Makmur,
Salam Malaysia MADANI



Hari Malaysia yang diraikan pada 16 September setiap tahun merupakan saatnya untuk kita memperingati detik penting sejarah pembentukan sebuah negara bangsa yang merdeka dan berdaulat.

Pada 61 tahun yang sudah, negara kita telah dimasyhurkan melalui Pembentukan Negara Malaysia yang didasari dengan semangat perjanjian Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963 yang membawa kepada termeterainya sebuah perjanjian di antara Persekututan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak dan Singapura (sebelum keluar dari Malaysia pada tahun 1965) yang telah bersetuju untuk membentuk Persekutuan Malaysia pada 1963.

Meneladani suatu peristiwa penting buat tanah air yang kita cintai, pada tarikh yang sarat dengan pengertian ini juga pasti akan menyingkap pelbagai kisah perjuangan yang akan merangsang semangat patriotisme serta kecintaan yang tinggi kepada negara yang terdiri dari pelbagai latar kaum dan budaya yang berbeza.

Pada tahun ini, tema Malaysia MADANI dan Jiwa Merdeka diangkat sebagai tema rasmi dalam sambutan Hari Malaysia. Jiwa Merdeka ini mencerminkan semangat kebebasan dan kedaulatan yang kita raikan sebagai khalifah yang mentadbir sebuah negara merdeka. Ianya juga merupakan adalah refleksi daripada perjuangan kita untuk mencapai kemerdekaan dan cita-cita untuk memajukan negara dalam suasana yang bebas dan berdaulat. Tema ini juga adalah dorongan untuk kita terus bergerak ke hadapan dengan penuh keyakinan, berlandaskan prinsip perlembagaan yang telah membentuk identiti kita sebagai bangsa bersatu padu dan merdeka.

Mendoakan agar semangat perpaduan akrab yang terjalin ini akan terus subur dalam perjuangan membangunkan negara, mengekalkan keharmonian dan mewarisi kedaulatan yang terpelihara. Bersamalah kita berpimpin tangan, segulai sejalai demi melestarikan harapan yang besar ini demi masa hadapan yang aman dan makmur.

Semoga ikatan perpaduan kita terus teguh dengan semangat setia kawan yang tinggi serta menjadikan kita saling hormat-menghormati dan terus bersama memajukan negara dan juga melahirkan generasi MADANI yang memiliki jati diri yang tinggi, setia pada ibu pertiwi.

Selamat Hari Malaysia buat semua!

Terakam kenangan 61 tahun yang lalu,
Tema diangkat membumi menusuk ke kalbu,
Segulai Sejalai menjadikan kita satu,
Jiwa Merdeka menjadikan kita maju,

Salam Segulai Sejalai, Salam Sarawak Maju Makmur, Salam Malaysia MADANI,
Jaga Sarawak Intu Sarawak.

Sekian, terima kasih.

YAB DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) ABANG HAJI ABDUL RAHMAN ZOHARI BIN TUN DATUK ABANG HAJI OPENG

PERUTUSAN

YANG BERHORMAT MENTERI KOMUNIKASI
MERANGKAP MENTERI BERTANGGUNGJAWAB
SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2024



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita dapat menyambut Hari Malaysia 2024 di Dataran Padang Merdeka, Kota Kinabalu dalam suasana aman, makmur dan sebagai sebuah keluarga besar Malaysia MADANI.

Marilah kita mengeratkan lagi jalinan kasih sayang, hormati perbezaan dan berkongsi kejayaan sebagai satu bangsa, demi keharmonian serta kesejahteraan bersama.

Teknologi komunikasi yang semakin maju harus dimanfaatkan untuk menyemarakkan semangat kenegaraan serta mengukuhkan ikatan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia seiring aspirasi Malaysia MADANI.

Selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Malaysia 2024, saya menghargai sokongan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi daripada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan sambutan Hari Malaysia, terutamanya Kerajaan Negeri Sabah selaku tuan rumah.

Marilah kita bersama-sama menjiwai semangat cinta akan negara dengan memperkukuh jati diri masing-masing sebagai dukungan ke arah Malaysia yang lebih hebat.

Selamat Menyambut Hari Malaysia
Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka

Salam Perpaduan

YB FAHMI FADZIL

PERUTUSAN

YANG BERHORMAT MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR NEGERI SABAH
MERANGKAP MENTERI BERTANGGUNGJAWAB
SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2024

Salam Sejahtera, Salam Sabah Maju Jaya dan Salam Malaysia MADANI



Pertamanya saya ingin panjatkan rasa kesyukuran kerana pada tahun ini, Sabah diberi penghormatan besar untuk menjadi tuan rumah sambutan Hari Malaysia Peringkat Kebangsaan 2024. Sambutan ini berlangsung di Padang Merdeka, Kota Kinabalu, satu lokasi bersejarah yang menjadi saksi negeri Sabah dalam pembentukan Malaysia.

Tahun ini, kita merayakan ulang tahun ke-61 penubuhan Malaysia dengan tema yang amat signifikan, "Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka". Tema ini bukan sekadar ungkapan, tetapi mencerminkan hasrat dan komitmen kita untuk memastikan Malaysia terus berkembang sebagai sebuah negara yang makmur dan progresif. Konsep Malaysia MADANI yang disokong oleh enam nilai teras utama adalah asas kepada pembangunan holistik negara kita, manakala Jiwa Merdeka melambangkan kebebasan rakyat Malaysia daripada elemen-elemen negatif yang boleh menggugat keharmonian dan perpaduan kita.

Semangat Jiwa Merdeka juga mengingatkan kita akan kepentingan memupuk semangat patriotisme yang mendalam serta cinta yang tidak berbelah bahagi kepada negara. Ia mengajak kita untuk terus berusaha memajukan integrasi sosial dan ekonomi, serta membentuk masyarakat yang inklusif, harmoni dan progresif. Ini adalah kunci kepada masa depan Malaysia yang cemerlang dan mampan.


Sebagai Pengerusi Bersama Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Malaysia 2024, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bekerja keras dalam memastikan kejayaan sambutan ini. Semangat kerjasama dan perpaduan yang ditunjukkan sepanjang persiapan ini adalah cerminan sebenar nilai--nilai Malaysia MADANI.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama memperkukuh semangat perpaduan dan cintakan tanah air, demi kesejahteraan dan kemakmuran Malaysia yang tercinta. Semoga sambutan Hari Malaysia kali ini menjadi sumber inspirasi dan kebanggaan kepada kita semua dalam usaha untuk memastikan masa depan negara yang lebih gemilang.

Selamat Menyambut Hari Malaysia


YB DATUK CHRISTINA LIEW

LAGU NEGARAKU



Negaraku tanah tumpahnya darahku
Rakyat hidup bersatu dan maju
Rahmat bahagia Tuhan kurniakan
Raja kita selamat bertakhta
Rahmat bahagia Tuhan kurniakan
Raja kita selamat bertakhta

LAGU SABAH TANAH AIRKU



Sabah tanah airku
Negeri kita yang tercinta
Pemuda pemudi semua marilah
Bangunlah bersatu semua
Marilah bersama serta maju jaya
Merdeka sepanjang masa
Bersatu segala bangsa sentosa
Sabah negeri merdeka

MADANI JIWA MERDEKA

Komposer: Datuk Mokhzani Ismail
Lirik: Affan Mazlan
Penyanyi: Amir Masdi

Ayuh kawan sahut suaraku
Bergerak maju demi negaraku
Kita bersama hadap suka duka
Selamanya

Selamanya ku pertahan
Tanah air pertiwi
Demi negara ku berserah diri

Semadikan dalam kita
MADANI Jiwa Merdeka
Demi negara Malaysiaku tercinta

Semaikanlah
Semangat dan setia
Penuhi rasa cinta

Demi negara
Laungkanlah satu rasa dan suara
Kitalah Malaysia
Demi negara
Satu hati kita semua MADANI
Jiwa Merdeka

Semuanya dengar launganku
Bersatu hati kitalah MADANI
Jiwa Merdeka hadap segalanya
Bersama

Walau seribu tahun kan terus megah
Selamanya di hati kita merdeka
Biar apa yang datang menduga
Takkan goyah

Semaikanlah
Semangat dan setia
Penuhi rasa cinta

Demi negara
Laungkanlah satu rasa dan suara
Kitalah Malaysia
Demi negara
Satu hati kita semua MADANI
Jiwa Merdeka

Katakanlah ooooo
Kita semua Malaysia
Satu demi negara

Akulah, akulah Malaysia
Kamulah, kamulah Malaysia
Semua satu demi negara
Haa
3x

Demi negara
Laungkanlah satu rasa dan suara
Kitalah Malaysia

Demi negara
Satu hati, kita semua MADANI
Jiwa Merdeka

Katakanlah ooooo
Kita semua Malaysia
Satu demi negara
2x

Demi negara
MERDEKA

SABAH MAJU JAYA

Gubahan Semula Oleh:
Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah

Sabah tanah air ku tercinta
Bersatu padu serta merdeka
Negeri ku yang aman harmoni
transformasi dikecapi dinikmati

Satu aspirasi satu destinasi
Visi dan misi milik kita semua
Sabah maju jaya dalam Malaysia
dikenali di seluruh dunia
Sabah tanah air ku tercinta
Bersatu padu serta merdeka
Negeri ku yang aman harmoni
Transformasi dikecapi dinikmati

Satu aspirasi satu destinasi
Visi dan misi milik kita semua
Sabah maju jaya dalam Malaysia
Dikenali di seluruh dunia

Sabah maju jaya
Gabungan rakyat
Meneraju hidup aman bahagia
Generasi Z mari bangkitlah
Kita bersatu menjadi teguh
Negeri Sabah, bumi yang tercinta

Tanah tumpah darahku
Ayuh kita jadikan
Negeri kita terus terbilang
Maju jaya dalam Malaysia
Dan di seluruh dunia

Satu aspirasi satu destinasi
Visi dan misi milik kita semua
Kita sayang Sabah,
Negeriku tercinta
Bersatu sehati kehadapan



IKRAR RUKUN NEGARA

Bahawasanya Negara kita Malaysia
mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya

Memelihara satu cara hidup demokratik

Mencipta satu masyarakat adil di mana kemakmuran Negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama

Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN



PENJELASAN LOGO DAN TEMA

MALAYSIA MADANI *Jiwa Merdeka*

LOGO

Logo Malaysia MADANI dijadikan sebagai logo rasmi HKHM pada tahun ini kerana reka bentuk logo ini yang berteraskan Malaysia MADANI dan menghasilkan corak simbolik tangan yang sedang diangkat, untuk melafazkan ikrar Rukun Negara.

Logo ini mengandungi warna-warna asas Jalur Gemilang yang selaras dengan jati diri serta semangat patriotik rakyat Malaysia yang berbilang bangsa hidup dalam keharmonian sehati dan sejiwa.

TEMA

Malaysia MADANI merupakan tunjang kepada kemakmuran dan kemajuan negara Malaysia melalui dukungan enam (6) nilai teras utama.

Jiwa Merdeka adalah penzahiran kepada kebebasan rakyat Malaysia daripada sebarang elemen negatif dalam menginterpretasikan semangat patriotisme dan cinta negara melalui pelbagai cara meliputi aspek pemikiran, integrasi sosial dan ekonomi seterusnya membentuk satu kesatuan rakyat yang kukuh, harmoni dan progresif.

Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka merupakan perlambangan kesepaduan secara holistik negara yang maju dan progresif menaungi rakyat yang berbilang kaum, bersatu hati dan teguh jati dirinya.

JALUR
Melambangkan lima jari dengan jalur merah dan putih merupakan simbolisme kepada Rukun Negara yang mendasari ideologi Malaysia.

BULATAN
Dalam lingkungan warna biru melambangkan permuafakatan dan perpaduan dalam kalangan rakyat.

BULAN SABIT
Melambangkan simbol agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan.

BINTANG
Berbucu 14 melambangkan perpaduan dalam kalangan 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan).

WARNA PUTIH
Tanda keikhlasan dan keamanan sebuah negara bangsa yang merdeka.

WARNA MERAH
Tanda semangat jati diri rakyat Malaysia yang mendukung semangat wira yang membara.

WARNA KUNING
Tanda negara ini dinaungi oleh Raja Berperlembagaan.

WARNA BIRU
Tanda apresiasi jalinan budaya perpaduan nasional masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

WARNA HITAM
Tanda keyakinan rakyat terhadap kemajuan kehidupan dalam citra Malaysia yang unik.

ATUR CARA

Sambutan Hari Malaysia 2024



MASA		ACARA
7.00 malam	❖	Pra Persembahan
7.30 malam	❖	Ketibaan Tetamu Kenamaan
7.35 malam	❖	Ketibaan Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja HKHM 2024 dan Yang Berbahagia Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah merangkap Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Sambutan Hari Malaysia 2024
7.40 malam	❖	Ketibaan Yang Berhormat Menteri Komunikasi merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk HKHM 2024 dan Yang Berhormat Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah merangkap Pengerusi Bersama Sambutan Hari Malaysia 2024
7.45 malam	❖	Ketibaan Yang Amat Berhormat Menteri-Menteri Besar, Yang Berhormat Menteri-Menteri, Yang Berhormat Timbalan-Timbalan Menteri serta Dif-Dif Kenamaan dan Isteri/Suami
8.10 malam	❖	Ketibaan Yang Amat Berhormat Timbalan-Timbalan Perdana Menteri dan Isteri
8.15 malam	❖	Ketibaan Yang Amat Berhormat Premier Sarawak dan Isteri
8.20 malam	❖	Ketibaan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah dan Isteri
8.25 malam	❖	Ketibaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Isteri
8.30 malam	❖	Ketibaan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Negeri Sabah

MASA	ACARA
	❖ Lagu Negaraku dan Lagu Sabah Tanah Airku
	❖ Lagu Sabah Maju Jaya
	❖ Tarian Sambut Tamu
	❖ Tayangan Video Ucapan Yang Berhormat Menteri-Menteri Bertanggungjawab
	❖ Ucapan Alu-Aluan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah
	❖ Ucapan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri
	❖ Upacara Menandatangani Buku Khas Sambutan Hari Malaysia 2024
	❖ Upacara Memotong Kek Hari Malaysia 2024
	❖ Tayangan Video Khas
	❖ Upacara Penyerahan Jalur Gemilang daripada Konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang (KMJG)
	❖ Bacaan Ikrar Rukun Negara
	❖ Simbolik Perasmian Sambutan Hari Malaysia 2024
	❖ Persembahan Khas Malaysia MADANI : Jiwa Merdeka
	❖ Persembahan oleh Artis-Artis Jemputan
	❖ Pertunjukan Bunga Api
10.30 malam	❖ Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Negeri Sabah Meninggalkan Majlis
	❖ Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Isteri Meninggalkan Majlis
	❖ Tetamu-Tetamu Kehormat dan Jemputan Meninggalkan Majlis

JAWATANKUASA INDUK
HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA 2024

PENGERUSI JAWATANKUASA INDUK
YB Menteri Komunikasi

PENGERUSI JAWATANKUASA KERJA
Ketua Setiausaha
Kementerian Komunikasi

SETIAUSAHA JAWATANKUASA KERJA
Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)
Kementerian Komunikasi

URUS SETIA INDUK
Unit Pengurusan Acara dan Inovasi
Bahagian Khidmat Pengurusan, Kementerian Komunikasi

JAWATANKUASA PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG
Ketua: Jabatan Penerangan Malaysia
Ahli: Setiausaha Kerajaan Negeri, Agensi Persekutuan/Negeri
Agensi Kementerian Komunikasi Negeri

JAWATANKUASA PENGISIAN PROGRAM
Ketua: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
Ahli: Bahagian Khidmat Pengurusan, Kementerian Komunikasi
Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Penyiaran Malaysia
Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia
Kementerian Perpaduan Negara, Kementerian Pendidikan Tinggi

JAWATANKUASA PERBARISAN DAN PANCARAGAM
Ketua: Angkatan Tentera Malaysia

JAWATANKUASA JEMPUTAN, SAMBUTAN DAN PROTOKOL
Ketua: Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa
Ahli: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Komunikasi
Angkatan Tentera Malaysia, Kementerian Luar Negeri

JAWATANKUASA KEWANGAN

Ketua: Bahagian Kewangan, Kementerian Komunikasi
Ahli: Kementerian Kewangan, semua kementerian/agensi terlibat

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN TRAFIK

Ketua: Kementerian Dalam Negeri
Ahli: Polis Diraja Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia
Civil Aviation Authority of Malaysia, Chief Government Security Officer
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PENERBITAN SIARAN LANGSUNG

Ketua: Jabatan Penyiaran Malaysia
Ahli: Jabatan Penerangan Malaysia

JAWATANKUASA LOGISTIK DAN PERSIAPAN TEMPAT

Ketua: Jabatan Wilayah Persekutuan
Ahli: Perbadanan Putrajaya
Bahagian Khidmat Pengurusan, Kementerian Komunikasi
Kementerian Kerja Raya, Jabatan Penyiaran Malaysia

JAWATANKUASA MEDIA DAN PUBLISITI

Ketua: Jabatan Penerangan Malaysia
Ahli: Bahagian Komunikasi Strategik dan Korporat, Kementerian Komunikasi
Jabatan Penyiaran Malaysia, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia

JAWATANKUASA KESIHATAN DAN PERUBATAN

Ketua: Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya
Ahli: Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

JAWATANKUASA KEMUDAHAN TELEKOMUNIKASI

Ketua: Bahagian Teknologi Komunikasi, Kementerian Komunikasi
Ahli: Bahagian Pengurusan Maklumat, Kementerian Komunikasi
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

JAWATANKUASA PENGISIAN KANDUNGAN DAN PENDOKUMENTASIAN BERPUSAT

Ketua: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia
Ahli: Bahagian Pembangunan Kandungan, Kementerian Komunikasi
Bahagian Komunikasi Strategik dan Korporat, Kementerian Komunikasi
Jabatan Penyiaran Malaysia, Jabatan Penerangan Malaysia

JAWATANKUASA BUKU PROGRAM

Ketua: Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak
Ahli: Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Penerangan Malaysia
Bahagian Khidmat Pengurusan, Kementerian Komunikasi

JAWATANKUASA AMANAT

Ketua: Pertubuhan Berita Nasional Malaysia
Ahli: Jabatan Penyiaran Malaysia
Bahagian Komunikasi Strategik dan Korporat, Kementerian Komunikasi

JAWATANKUASA SAMBUTAN HARI MALAYSIA

Ketua: Kementerian Komunikasi dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
Ahli: Agensi Persekutuan/Negeri, Jabatan/Agensi Kementerian Komunikasi
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa

JAWATANKUASA PENAJAAN

Ketua: Bahagian Kawalan dan Pematuhan, Kementerian Komunikasi
Ahli: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

JAWATANKUASA SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2024

PENGERUSI BERSAMA JAWATANKUASA INDUK

YB Menteri Komunikasi

YB Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah

PENGERUSI BERSAMA JAWATANKUASA PELAKSANA

Ketua Setiausaha
Kementerian Komunikasi

Setiausaha Tetap
Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah

JAWATANKUASA PELAKSANA

Kementerian Komunikasi

Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah

JAWATANKUASA KERJA ACARA SAMBUTAN

Ketua: Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah
Ahli: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah
Bahagian Istiadat dan Protokol, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah
Pejabat Setiausaha Perhubungan Persekutuan Sabah
Lembaga Pelancongan Sabah, Sri Pelancongan Sabah
Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah

JAWATANKUASA KERJA KEWANGAN

Kementerian Komunikasi
Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah

JAWATANKUASA KERJA UNDANGAN SAMBUTAN DAN PROTOKOL

Ketua: Bahagian Istiadat dan Protokol
Ahli: Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa
Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah
Unit Protokol, Istiadat dan Pengurusan Acara Sarawak

JAWATANKUASA KERJA HIASAN, KEBERSIHAN, KECERIAAN, ACARA DAN LOGISTIK

Ketua: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
Ahli: Polis Diraja Malaysia Sabah, Tentera Laut Diraja Malaysia
Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Jabatan Ketua Menteri
Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Sabah, *Sabah Electricity* Sdn. Bhd.
Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
Jabatan Kesihatan Persekitaran Bandaraya, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal
Jabatan Pengangkutan dan Trafik, Jabatan Pengurusan Harta
Jabatan Pengaduan dan Perhubungan Awam, Pejabat Mayor
Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Landskap

JAWATANKUASA KERJA *LIVE STREAMING*

Ketua: Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah

JAWATANKUASA KERJA PERSEMBAHAN

Jawatankuasa Kecil Video Khas: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia
Jawatankuasa Kecil Tradisi dan Persembahan Kebudayaan: Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah

JAWATANKUASA KERJA PENERBITAN DAN PENCETAKAN BUKU CENDERAMATA

Ketua: Jabatan Cetak Kerajaan Sabah
Ahli: Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah
Istana Seri Kinabalu, Jabatan Arkib Negeri Sabah
Pejabat Media dan Komunikasi Jabatan Ketua Menteri
Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Jabatan Ketua Menteri
Bahagian Istiadat dan Protokol, Jabatan Ketua Menteri
Jabatan Penerangan Malaysia, Jabatan Muzium Sabah
Balai Seni Lukis Sabah

JAWATANKUASA KERJA PUBLISITI, PROMOSI, SERANTA DAN SIARAN LANGSUNG

Ketua: Jabatan Penerangan Malaysia
Ahli: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, Jabatan Penyiaran Malaysia

JAWATANKUASA KERJA PAMERAN ARKIB NEGERI SABAH

Ketua: Jabatan Arkib Negeri Sabah

JAWATANKUASA KERJA MAJLIS TAHLIL DAN DOA SELAMAT

Ketua: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

JAWATANKUASA KERJA PERUBATAN DAN KECEMASAN

Ketua: Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

JAWATANKUASA KERJA KESELAMATAN DAN LALU LINTAS

Ketua: Kementerian Dalam Negeri
Ahli: Polis Diraja Malaysia

JAWATANKUASA KERJA BEKALAN TENAGA ELEKTRIK

Ketua: *Sabah Electricity* Sdn. Bhd.

JAWATANKUASA KERJA PENGANGKUTAN

Ketua: Kementerian Kerja Raya

JAWATANKUASA KERJA PENYEDIAAN PAKAIAN KHAS

Ketua: Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah
Ahli: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Sabah
Syarikat Sri Pelancongan Sdn. Bhd.

JAWATANKUASA KERJA JAMUAN

Ketua: Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah



Trivia Sambutan Hari Malaysia 2024

PROCLAMATION OF MALAYSIA

In the name of God, the Compassionate, the Merciful.

Praise be to God, the Lord of the Universe, and may the benediction and peace of God be upon Our Leader Muhammad and upon all His Relations and Friends.

WHEREAS by an Agreement made on the Ninth day of July in the year one thousand nine hundred and sixty-three between the Federation of Malaya, the United Kingdom, North Borneo, Sarawak and Singapore it was agreed that there shall be federated the States of Sabah, Sarawak and Singapore with the Federation of Malaya comprising the States of Pahang, Trengganu, Kedah, Johore, Negri Sembilan, Kelantan, Selangor, Perak, Perlis, Penang and Malacca, and that the Federation shall thereafter be called "Malaysia":

AND WHEREAS it has been agreed by the parties to the said Agreement that as from the establishment of Malaysia the States of Sabah, Sarawak and Singapore shall cease to be colonies of Her Majesty the Queen and Her Majesty the Queen shall relinquish Her sovereignty and jurisdiction in respect of the three States:

AND WHEREAS there has been promulgated a Constitution for Malaysia which shall be the supreme law therein:

AND WHEREAS by the Constitution aforesaid provision has been made for the safeguarding of the rights and prerogatives of Their Highnesses the Rulers and the fundamental rights and liberties of subjects and for the promotion of peace and harmony in Malaysia as a constitutional monarchy based upon parliamentary democracy:

AND WHEREAS the Constitution aforesaid having been approved by a law passed by the Parliaments of the Federation of Malaya and of the United Kingdom has come into force on the Sixteenth day of September in the year one thousand nine hundred and sixty-three:

NOW in the name of God the Compassionate, the Merciful, I, TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ IBNI ALMARHUM SULTAN ABDUL HAMID HALIM SHAH, Prime Minister of Malaysia, with the concurrence and approval of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong of the Federation of Malaya, His Excellency the Yang di-Pertuan Negara of Singapore, His Excellency the Yang di-Pertua Negara of Sabah and His Excellency the Governor of Sarawak DO HEREBY DECLARE AND PROCLAIM on behalf of the peoples of Malaysia that as from the Sixteenth day of September in the year one thousand nine hundred and sixty-three, corresponding to the Twentyeighth day of Rabi'ul Akhir in the year of the Hijrah one thousand three hundred and eighty-three, that MALAYSIA comprising the States of Pahang, Trengganu, Kedah, Johore, Negri Sembilan, Kelantan, Selangor, Perak, Perlis, Penang, Malacca, Singapore, Sabah and Sarawak shall by the Grace of God, the Lord of the Universe, forever be an independent and sovereign democratic State founded upon liberty and justice, ever seeking to defend and uphold peace and harmony among its peoples and to perpetuate peace among nations.

Kuala Lumpur,
Sixteenth day of September, 1963.

Prime Minister.

Watikah Pemasyhuran Malaysia dalam Bahasa Inggeris yang ditandatangani oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj pada 16 September 1963



فمشهوران مليسيا

دڠن نام الله يڠ مها موره لاڬي مها مڠاسيهاني، سڬل فوجين٢ باڬي الله توهن سرو سکلين عالم دان صلوات دان سلام باڬي جنجوڠن كيت نبي محمد دان باڬي سکلين كلوارڬ سرت صحابتڽ٢.

بهواسڽ اوله كران سوات فرجنجين يڠ دفربوات فد سمبيلن هاريبولن جولاي تاهون سريبو سمبيلن راتوس انم فوله تيڬ انتارا فرسكوتوان تانه ملايو، يونايتيد كيڠدم، بورنيو اوتارا، سراوق دان سيڠافورا ملك تله دفرستوجوءي بهوا هندقله دسكوتوكن نڬري سابه، نڬري سراوق دان نڬري سيڠافورا دڠن فرسكوتوان تانه ملايو يڠ مڠندوڠي نڬري فهڠ، نڬري ترڠڬانو، نڬري قدح، نڬري جوهر، نڬري سمبيلن، نڬري كلنتن، نڬري سلاڠور، نڬري فيراق، نڬري فرليس، نڬري فولو فينڠ دان نڬري ملاك دان بهوا فرسكوتوان ايت هندقله دناماكن "مليسيا".

دان بهواسڽ اوله كران فيهق٢ دالم فرجنجين يڠ ترسبوت تله برستوجو بهوا مولاءي درفد فنوبوهن مليسيا ملك نڬري سابه، نڬري سراوق دان نڬري سيڠافورا هندقله تمت درفد منجادي جاجاهن تعلوق دولي يڠ مها مليا بڬندا كوءين دان دولي يڠ مها مليا بڬندا كوءين تياد لاڬي ممفوڽاءي كدولتن دان كواس دالم كتيڬ٢ بواه نڬري ايت؛

دان بهواسڽ اوله كران تله دمشهوركن سوات فرلمبڬاءن باڬي مليسيا يڠ اكن منجادي قانون يڠ معتمد ددالمڽ؛

دان بهواسڽ اوله كران فرلمبڬاءن يڠ ترسبوت ايت تله دادكن شرط باڬي منجاڬ كسلامتن حق٢ دان كاءوتاماءن٢ دولي٢ يڠ مها مليا راج٢ سرت حق٢ اساسي دان كبيبسن سکلين رعيت دان باڬي مڠكالقكن كامانن دان كمسراءن دالم مليسيا سباڬي كراجاءن يڠ ممفوڽاءي راج يڠ برفرلمبڬاءن دان يڠ برداسركن ديموقراسي چارا برفارليمين؛

دان بهواسڽ اوله كران فرلمبڬاءن يڠ ترسبوت ايت تله دصحكن اوله سوات اوندڠ٢ يڠ دلولوسكن اوله فارليمين فرسكوتوان تانه ملايو دان فارليمين يونايتيد كيڠدم ملك تله برجالنله قواتكواس فرلمبڬاءن ايت فد انم بلس هاريبولن سفتيمبر تاهون سريبو سمبيلن راتوس انم فوله تيڬ.

ملك دڠن نام الله يڠ مها موره لاڬي مها مڠاسيهاني، ساي، تنكو عبدالرحمن فترا الحاج ابن المرحوم سلطان عبدالحميد حليم شاه، فردان منتري مليسيا دڠن فرستوجوان دان فركنن كباوه دولي يڠ مها مليا سري فادوك بڬندا يڠ دفرتوان اڬوڠ، يڠ ترأوتام يڠ دفرتوان نڬارا سيڠافورا، يڠ ترأوتام يڠ دفرتوا نڬارا سابه دان يڠ ترأوتام ڬابنور نڬري سراوق دڠن اين مڠيستهاركن دان ممشهوركن باڬي فيهق اومت مليسيا بهوا مولاءي درفد انم بلس هاريبولن سفتيمبر تاهون سريبو سمبيلن راتوس انم فوله تيڬ برسماءن دڠن دوا فوله لافن هاريبولن ربيع الاخر تاهون هجرية سريبو تيڬ راتوس لافن فوله تيڬ، مليسيا يڠ مڠندوڠي نڬري فهڠ، نڬري ترڠڬانو، نڬري قدح، نڬري جوهر، نڬري سمبيلن، نڬري كلنتن، نڬري سلاڠور، نڬري فيراق، نڬري فرليس، نڬري فولو فينڠ، نڬري ملاك، نڬري سيڠافورا، نڬري سابه دان نڬري سراوق دڠن اذين دان كهندق الله رب العالمين اكن ككل منجادي سبواه نڬارا ديموقراسي يڠ مرديكا لاڬي بردولة سرت براساسكن كبيبسن دان كعاديلن دان سنتياس ممفرتاهنكن سرت مليهارا كامانن دان كمسراءن اومتڽ دان مڠكلكن كامانن دانتارا سکل بڠسا د دنيا اين.

فردان منتري.

كوالا لمفور،
انم بلس هاريبولن سفتيمبر، 1963.

Watikah Pemasyhuran Malaysia dalam tulisan Jawi yang ditandatangani oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj pada 16 September 1963

SEJARAH PENUBUHAN MALAYSIA

Pada tahun 1950-an, British sudah mula berundur dan memberi kemerdekaan kepada wilayah jajahannya di Afrika dan Asia termasuklah juga Sabah dan Sarawak. Singapura telah diberi taraf kerajaan sendiri pada tahun 1959, namun ingin mendapatkan kemerdekaan melalui gabungan bersama Malaya. Perdana Menteri Malaya, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengetahui hasrat Singapura. Beliau masih sangsi kerana wujudnya pengaruh komunis di sana dan tidak mahu berkongsi kuasa politik dengan golongan sayap kiri cina. Walau bagaimanapun, isu ini dapat diselesaikan jika Sarawak, Sabah, Singapura, Brunei dan Persekutuan Tanah Melayu digabungkan.





27 MEI 1961

Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman semasa Persidangan Persatuan Wartawan Luar Negeri Asia Tenggara di Hotel Adelphi, Singapura telah menyatakan tentang jalinan kerjasama Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Borneo, Brunei dan Sarawak kedalam satu bentuk kerjasama politik.

> “Tanah Melayu yang telah merdeka tidak sewajarnya bersendirian dan terasing. Jalinan kerjasama dan persefahaman dengan negara-negara serumpun seperti Singapura dan negeri-negeri wilayah Borneo perlu diwujudkan dalam sebuah gagasan, demi kestabilan politik dan ekonomi. Pada masa yang sama, ikatan itu mampu menjadi benteng yang berkesan untuk membanteras ancaman komunis.”

23 JULAI 1961

Mesyuarat Persatuan Parlimen Komanwel Cawangan Tanah Melayu dan Borneo di Singapura telah bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia dipengerusikan oleh Donald Stephen.

Perwakilan jawatankuasa melibatkan:

- Ahli Parlimen Persekutuan Tanah Melayu
- Ahli Majlis Mesyuarat Undangan Singapura
- Ahli Majlis Negeri Sarawak
- Ahli Majlis Negeri Borneo Utara (Sabah)

OGOS 1961



Mesyuarat pertama Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia diadakan di Sabah.

18 - 21 DISEMBER 1961



Mesyuarat kedua Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia diadakan di Kuching Sarawak.

6 - 7 JANUARI 1962



Ahli-ahli Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia bermesyuarat di Selangor Legislative Assembly Chamber, Kuala Lumpur pada 6 dan 7 Januari 1962. Jawatankuasa ini ditubuhkan pada bulan Julai 1961 dengan tujuan memberi penerangan kepada penduduk Borneo Utara, Sarawak dan Brunei mengenai penubuhan Malaysia. Mesyuarat ini merupakan mesyuarat yang ketiga yang telah diadakan.

Infografik : Jabatan Muzium Sabah

FEB-MAC 1962



Suruhanjaya Cobbold dengan Lord Cobbold (ditengah) di Jesselton pada tahun 1962
-Koleksi gambar Jabatan Penerangan

SURUHANJAYA COBBOLD

British menyokong cadangan penyatuan ini kerana sangat sesuai dengan langkah pengunduran mereka dari wilayah-wilayah di Borneo. Sebuah Suruhanjaya yang diketuai oleh Lord Cobbold telah ditubuhkan untuk mendapatkan pandangan rakyat Borneo. Malaysia Solidarity Consultative Committee MSCC telah mengemukakan "memorandum Malaysia" kepada Suruhanjaya pada 3 Februari 1962.



Mesyuarat IGC di Jesselton
-Koleksi gambar Jabatan Penerangan

Suruhanjaya ini telah datang ke Sabah dan Sarawak diantara bulan Februari dan April 1962. Di Sabah mereka telah menemui beberapa pertubuhan dan parti-parti politik yang baru ditubuhkan seperti:

01 Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu (UNKO), ditubuhkan pada tahun 1961 dengan dipimpin oleh Donald Stephen. UNKO pada awalnya ditubuhkan di kawasan masvarakat Kadazan di Penampang;

02 Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) sebuah parti utama masyarakat Islam yang dipimpin oleh Datu Mustapha bin Datu Harun;

03 Pertubuhan Pasok Momogun Bersatu (UPMO) sebuah parti masyarakat Dusun di Keningau dan Tenom yang dipimpin oleh O.K.K Sundang;

04 Parti Demokratik sebuah parti untuk golongan pekerja Cina di Jesselton yang dipimpin oleh Peter Chin; dan

05 Parti Bersatu sebuah parti Cina yang berpengaruh yang di pimpin oleh Khoo Siak Chiew.

21 JUN 1962

Laporan Suruhanjaya Cobbold telah dikemukakan kepada Kerajaan British dan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Setelah dikaji, kedua-dua kerajaan bersetuju menerima hampir semua cadangan yang telah dibuat oleh Suruhanjaya tersebut. Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Tanah Melayu juga menerima laporan Suruhanjaya Cobbold.

JULAI 1962

Kata sepakat telah dicapai oleh Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman dan Harold Macmillan, Perdana Menteri British untuk mengadakan rundingan di London.



9 JULAI 1963

Perjanjian penting telah ditandatangani di Pejabat Perhubungan Komanwel di Malborough House, London. Perjanjian penubuhan Persekutuan Malaysia telah ditandatangani oleh wakil-wakil kerajaan British,Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura.



16 SEPTEMBER 1963

Upacara pengisytiharan Malaysia diadakan di Stadium Merdeka Kuala Lumpur. Pengisytiharan penubuhan Malaysia telah dibacakan oleh Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman di hadapan lebih kurang 30,000 rakyat Malaysia



Infografik : Jabatan Muzium Sabah

UPACARA HARI MALAYSIA



Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah Donald Stephens sedang membaca pengisytiharan Malaysia di upacara Hari Malaysia di Padang Bandaran. Di sebelah kanannya adalah Yang Teramat Mulia Yang Di-Pertua Negara Datu Mustapha bin Datu Harun dan Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. - Gambar oleh Victor Wah

16 SEPTEMBER 1963, PADANG BANDARAN JESSELTON



Peguam Kanan Puisne, L.D Smith mengesahkan pelantikan Yang Teramat Mulia Di-Pertua Negara, Datu Mustapha bin Datu Harun.



Yang Amat Berhormat Donald Stephens dilantik sebagai Ketua Menteri Sabah oleh Yang di-Pertua Negara, Tun Datu Mustapha.



Yang di-Pertua Negara, Tun Datu Mustapha sedang menyampaikan perutusannya kepada rakyat Sabah.



Pengisytiharan Penubuhan Malaysia dibaca dalam bahasa Melayu oleh Yang Berhormat Datuk Harris bin Mohd Salleh.



Pengisytiharan Penubuhan Malaysia dibaca dalam bahasa Kadazan oleh Yang Berhormat Datuk Richard E. Yap.



Pengisytiharan Penubuhan Malaysia dibaca dalam Mandarin oleh Yang Berhormat Datuk Khoo Siak Chiew.





Meja dan kerusi




Box buku

Gambar Buku Perjanjian Malaysia



Buku kunjungan




Sijil perjanjian



KUNJUNGAN HORMAT KEPADA
TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH
oleh Jawatankuasa Induk Hari Malaysia 2024











MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK *Sambutan Hari Malaysia 2024*









MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANA *Sambutan Hari Malaysia 2024*





PAMERAN
Sambutan Hari Malaysia 2024

12 HINGGA 15 SEPTEMBER 2024
PEKARANGAN JABATAN ARKIB NEGERI SABAH

Pameran bahan-bahan mengenai kelahiran Malaysia dan *showcase* jabatan dan agensi kerajaan.



Terima Kasih dan Sanjungan Budi

Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Malaysia 2024
mengucapkan terima kasih
kepada semua jabatan Kerajaan Negeri/Persekutuan,
Badan Berkanun, pihak swasta
dan orang perseorangan
yang telah membantu dan
memberikan kerjasama
bagi menjayakan Sambutan Hari Malaysia 2024.

Sumbangan Gambar:
Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar
Jabatan Penerangan Malaysia

Reka Bentuk Buku:
Jabatan Penerangan Malaysia
Jabatan Cetak Kerajaan

Disusun dan Diterbitkan oleh:
Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Malaysia 2024

